



The Sarawak Museum Journal

Vol. XL No. 61

December 1989



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Abdul Rahman Al-Ahmadi. (1989). Identiti Etnik dan Aspirasi. The Sarawak Museum Journal, XL (61): 27-34

IDENTITI ETNIK DAN ASPIRASI

Abdul Rahman Al-Ahmadi

Berbicara mengenai identiti etnik dan aspirasi saya lebih dahulu ingin menoleh kebelakang pada sejarah dan geografi Sarawak. Sarawak adalah sebuah negeri dalam pulau Borneo dan sebagaimana diketahui pulau Borneo termasuk salah satu pulau terbesar di dunia. Sejak zaman dahulu dalam sastera klasik India, ada disebut pulau¹ Waruna dan kalau dicari erti Waruna itu ialah nama seorang Dewa Angin. Dari nama ini dapatlah kita tanggap bahawa pulau Borneo sudahpun tercatat dalam sastera klasik dunia. Selain daripada itu dari segi geografi, pulau Borneo yang sejak zaman pleistocen bersatu dengan daratan Asia Tenggara, Sarawak dan Sabah bersambung dengan Filipina dan Formosa terus ke utara dan benua Asia, begitu pula Sulawesi melalui Minahasa, pulau Sangir ke Filipina. Antara Jawa Timur dan Sulawesi Selatan ada hubungan melalui Nusa Tenggara yang pulau-pulaunya bersambungan sampai ke Pulau Timor, Sungai Musi, Batanghari dan Kapuas bertemu di antara Sumatra dan Borneo dan bersama-sama mengalirkan airnya ke Lautan China Selatan yang mempunyai teluk di dekat kepulauan Natuna sekarang (inilah sebabnya maka sampai kini ikan di ketiga sungai tersebut itu sejenis). Sungai Solo dan Sungai Brantas membawa airnya ke laut Jawa sebelah utara Sumbawa². Kerana itu tidak aneh flora dan fauna di Borneo ada persamaan dengan flora dan fauna di dataran Asia Tenggara³.

Sejak zaman pra-sejarah lagi, pulau Borneo berhubung rapat dengan pra-sejarah Asia Tenggara lain. Gua Niah⁴ menjadi bukti yang kukuh tentang penempatan manusia purba di zaman pra-sejarah itu.

IDENTITI ETNIK DAN ASPIRASI

oleh

Abdul Rahman Al-Ahmadi

Berbicara mengenai identiti etnik dan aspirasi saya lebih dahulu ingin menoleh kebelakang pada sejarah dan geografi Sarawak. Sarawak adalah sebuah negeri dalam pulau Borneo dan sebagaimana diketahui pulau Borneo termasuk salah satu pulau terbesar di dunia. Sejak zaman dahulu dalam sastra klasik India, ada disebut pulau¹ Waruna dan kalau dicari erti Waruna itu ialah nama seorang Dewa Angin. Dari nama ini dapatlah kita tanggap bahawa pulau Borneo sudahpun tercatat dalam sastra klasik dunia. Selain daripada itu dari segi geografi, pulau Borneo yang sejak zaman pleistocen bersatu dengan daratan Asia Tenggara, Sarawak dan Sabah bersambung dengan Filipina dan Formosa terus ke utara dan benua Asia, begitu pula Sulawesi melalui Minahasa, pulau Sangir ke Filipina. Antara Jawa Timur dan Sulawesi Selatan ada hubungan melalui Nusa Tenggara yang pulau-pulau-nya bersambungan sampai ke Pulau Timor, Sungai Musi, Batanghari dan Kapuas bertemu di antara Sumatra dan Borneo dan bersama-sama mengalirkan airnya ke Lautan China Selatan yang mempunyai teluk di dekat kepulauan Natuna sekarang (inilah sebabnya maka sampai kini ikan di ketiga sungai tersebut itu sejenis). Sungai Solo dan Sungai Brantas membawa airnya ke laut Jawa sebelah utara Sumbawa². Kerana itu tidak aneh flora dan fauna di Borneo ada persamaan dengan flora dan fauna di dataran Asia Tenggara³.

Sejak zaman pra-sejarah lagi, pulau Borneo berhubung rapat dengan pra-sejarah Asia Tenggara lain. Gua Niah⁴ menjadi bukti yang kukuh tentang penempatan manusia purba di zaman pra-sejarah itu.

Di zaman sejarah Hindu, pengaruh kebudayaan Hindu sampai juga ke pedalaman Borneo, ini terbukti dengan dijumpai di Kutai Kalimantan Selatan sempadan Negeri Sarawak — tujuh buah yupa bertarikh abad ke-4⁵. Yupa ialah batu peringatan bermazhab Brahma bertulisan Pallawa berbahasa Sangskrit. Yupa itu menerangkan Raja yang memerintah itu bernama Mularman anak kepada Aswawarman cucu kepada Kudungga. Kudungga adalah nama asli penduduk Borneo bukan nama Sangskrit mungkin daripada perkataan Kudungga atau Dungga. Sarawak haruslah merasa bangga bahawa sejarah di zaman Hindu ada peninggalannya iaitu di daerah Bongkissam terdapat juga keruntuhan candi beraliran Tantrayana dan di Santubong terdapat artefak Budha aliran Gupta. Di Limbang dijumpai patung Ganesa (Hindu), di Samarahan dijumpai batu lesung Hindu Lingga Yoni.⁶

Sementara itu suku-suku kaum di Sarawak seperti yang dinyatakan oleh pihak penyelidik Jabatan Kebudayaan dan Pelancongan Sarawak dan Muzium Sarawak terdapat sebanyak ± 31 suku kaum. Hal ini amat menarik sekali kerana ada di antara suku kaum itu ada pertalian dari segi nama dengan sejarah tua Funan dan Champa di Semenanjung Indo-China seperti suku kaum Punan dan Penan serta suku kaum Siteng. Ketiga-tiga suku kaum ini mengingatkan kita dengan nama negara purba Melayu Funan di Semenanjung Indochina dan suku kaum Siteng sama bunyi dengan suku Siteng⁷ di Champa Vietnam Selatan. Sarawak haruslah juga merasa bangga dengan motif seni hiasnya. Kajian mengenai motif seni tradisi Borneo khususnya Sarawak amat memerangsangkan sekali untuk diperbandingkan dengan motif tradisi yang terdapat pada suku-suku kaum di Sumatera, Filipina, Taiwan dan Malagasi serta Campa (Vietnam Selatan sekarang).

Motif Seni Hias suku kaum di Sarawak ada kaitannya dengan motif suku kaum di Semenanjung Indochina dan motif Batak dan Rejang di Sumatera dan Flores di Indonesia serta motif suku kaum asli di Taiwan, seperti suku Yama, Anis, Atayah, Saisyat, Tsou, Sau, Bunun, Puyuman, Rukai dan Paiwan⁸. Semua ini menunjukkan bahawa Sarawak bukanlah asing dalam lingkungan budaya Alam Melayu. Bahkan suku-suku kaum yang ada di Sarawak sekarang termasuk dalam lingkungan rumpun Melayu Polynesia yang dari segi bahasa termasuk dalam kelompok bahasa Melayu tua Austronesia. Persebaran bahasa Austronesia ini menarik minat para sarjana untuk membuat kajian bagaimana pertalian bahasa-bahasa suku kaum di Borneo dengan bahasa di Pulau Luzon Filipina, Batak di Sumatera dan Pulau Malagasi di pantai Benua Afrika. Mengikut pendapat Adlaar⁹ bahawa bahasa Dayak Manyan di Kalimantan, Indonesia ada pertalian rapat dengan bahasa Melayu Polynesia di Malagasi. Bagaimanapun, terdapat bermacam-macam teori diutarakan oleh para sarjana tentang pertalian itu. Ada yang berpendapat bahawa penduduk asli orang Dayak di Borneo yang termasuk dalam ras Melayu Tua (Proto Malay) telah belajar jauh ke pulau Malagasi dan ada pula berpendapat bahawa orang-orang Dayak ini mereka pada zaman dahulu adalah penghujung lautan.

Dari segi kepercayaan ada gambar perahu mayat di Gua Niah dapat dipertalikan dengan relief perahu berbentuk bulan sabit (ardhacandra) perahu upacara membawa mayat di Candi Borobudur dan mengingatkan kita kepada upacara Tiwah dan Ijambe¹⁰ di Kalimantan Indonesia dan Gawai Antu di Sarawak.

Semua ini menunjukkan bahawa suku-suku kaum asli di Sarawak bukanlah 'kaum' yang asing dalam budaya Melayu Polynesia. Adanya 'trend' hari ini untuk memisahkan suku kaum pribumi Sarawak dengan kaum Melayu di Sarawak adalah satu gejala yang baru sepatutnyalah tidak diperbesarkan jurang perbezaan kerana ianya membawa kesan yang negatif untuk jangka waktu yang akan datang. Tetapi sebaliknya, unsur-unsur persamaan itulah harus diperkembangkan dalam semua sudut baik sejarah, bahasa, seni, budaya, motif hiasan, kepercayaan dan agama.

Dari tolehan ke belakang saya itu dapatlah kita memperoleh aspirasi dari etnik identiti dan mempersoalkan di manakah letak dan peranan identiti etnik dalam keperibadian nasional. Berbicara mengenai identiti etnik dan aspirasi, inginlah saya menarik perhatian bahawa Dasar Kebudayaan Kebangsaan telahpun menetapkan tiga prinsip penting iaitu yang pertama